

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97

Okttober/November 1996

MAT 303 - Kalkulus Vektor

Masa : [3 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT soalan di dalam EMPAT halaman yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. (a) Cari persamaan parameter garis yang melalui titik  $(2, -1, 5)$  dan selari dengan garis  $x = 3t, y = 2 + t, z = 2 - t$ .
  
- (b) Andaikan  $A(1, 3, -2)$ ,  $B(2, 4, 5)$ , dan  $C(-3, -2, 2)$ . Cari luas segitiga dengan bucu-bucu pada  $A, B$ , dan  $C$ . Jika  $O$  ialah titik asalan, cari isipadu paralelepiped dengan sisi-sisi sebelah  $OA, OB$ , dan  $OC$ .
  
- (c) Cari vektor tangen unit dan vektor normal unit pada lengkung  $x = t - \sin t, y = 1 - \cos t$  di titik yang sepadan dengan  $t = \pi/2$ .
  
- (d) Andaikan lengkung  $L$  dicirikan oleh vektor kedudukan  $\mathbf{r}(t)$ . Vektor  $\mathbf{v}(t) = \mathbf{r}'(t)$  disebut sebagai *vektor halaju*, dan  $\mathbf{a}(t) = \mathbf{v}'(t) = \mathbf{r}''(t)$  disebut sebagai *vektor pecutan*. Jika

$$\mathbf{a} = \frac{d\mathbf{v}}{dt} \mathbf{T} + \kappa \mathbf{v}^2 \mathbf{N}$$

dengan  $v(t) = |\mathbf{v}(t)|$ ,  $\mathbf{T}$  vektor tangen unit,  $\mathbf{N}$  vektor normal unit, dan  $\kappa$  kurvatur, tunjukkan bahawa

$$\mathbf{v} \times \mathbf{a} = \kappa v^3 (\mathbf{T} \times \mathbf{N})$$

...2/-

Deduksikan bahawa

$$\kappa = \frac{|\mathbf{v} \times \mathbf{a}|}{\mathbf{v}^3}$$

Seterusnya gunakan rumus di atas untuk mendapatkan kurvatur lengkung jika vektor kedudukan ialah  $\mathbf{r}(t) = t\mathbf{i} + (\sin t)\mathbf{j} + (\cos t)\mathbf{k}$ .

(100/100)

2. (a) Cari terbitan berarah  $f(x, y, z) = \sqrt{10 - x^2 - y^2 - z^2}$  di titik  $(1, 1, -2)$  dalam arah  $\mathbf{v} = 3\mathbf{i} + 4\mathbf{j} - 12\mathbf{k}$ .
- (b) Cari persamaan satah tangen pada permukaan  $xyz + x^2 - 2y^2 + z^3 = 14$  di titik  $(5, -2, 3)$ .
- (c) Cari persamaan satah yang tangen kepada paraboloid  $z = 2x^2 + 3y^2$  dan yang selari dengan satah  $4x - 3y - z = 10$ .
- (d) Dua permukaan disebut sebagai *berortogon* pada titik persilangan  $P$  jika garis-garis normal pada permukaan-permukaan tersebut di titik  $P$  adalah berortogonal. Tunjukkan bahawa graf-graf  $F(x, y, z) = 0$  dan  $G(x, y, z) = 0$  adalah berortogonal di titik  $P$  jika dan hanya jika

$$F_x G_x + F_y G_y + F_z G_z = 0.$$

Tunjukkan sfera  $x^2 + y^2 + z^2 = r^2$  dan kon  $a^2x^2 + b^2y^2 - z^2 = 0$  adalah berortogonal di setiap titik persilangan.

(100/100)

3. (a) Daya pada titik  $(x, y, z)$  ialah  $\mathbf{F}(x, y, z) = e^x\mathbf{i} + e^y\mathbf{j} + e^z\mathbf{k}$ . Cari kerja terbuat oleh  $\mathbf{F}$  pada lengkung  $x = t$ ,  $y = t^2$ ,  $z = t^3$  dari  $(0, 0, 0)$  ke  $(2, 4, 8)$ .

...3/-

- (b) Nilaikan kamiran garis  $\int_L \mathbf{F} \cdot d\mathbf{r}$  jika  $\mathbf{F}(x, y, z) = yz\mathbf{i} + xz\mathbf{j} + xy\mathbf{k}$  dan  $L$  suatu lengkung ringkas dari  $(2, -1, 3)$  ke  $(4, 2, -1)$ .
- (c) Andaikan  $S$  sebagai sempadan rantau yang dibatasi oleh paraboloid  $z = 4 - x^2 - y^2$  dan satah-xy. Cari fluks melalui  $S$  dalam arah normal unit terkeluar untuk medan vektor  $\mathbf{F}(x, y, z) = 2x\mathbf{i} + 2y\mathbf{j} + 3\mathbf{k}$ .
- (d) Jika  $\int_L M(x, y, z)dx + N(x, y, z)dy + P(x, y, z)dz$  tak bersandar kepada lintasan, dan  $M, N$ , serta  $P$  mempunyai terbitan separa peringkat pertama yang selanjar, tunjukkan bahawa

$$\frac{\partial M}{\partial y} = \frac{\partial N}{\partial x}, \quad \frac{\partial M}{\partial z} = \frac{\partial P}{\partial x}, \quad \frac{\partial N}{\partial z} = \frac{\partial P}{\partial y}$$

(100/100)

4. (a) (i) Nilaikan

$$\int_L xydx + (x + y)dy$$

jika  $L$  adalah sebahagian graf  $y = x^2$  dari  $(-1, 1)$  ke  $(2, 4)$ .

- (ii) Nilaikan  $\int_L \mathbf{F} \cdot d\mathbf{r}$  jika  $\mathbf{F}(x, y, z) = y\mathbf{i} - x\mathbf{j} + z\mathbf{k}$  dan  $L$  diberikan oleh  $x = \sin t, y = \cos t, z = 2t, 0 \leq t \leq \pi$ .

- (b) Gunakan Teorem Green untuk menilaikan kamiran

$$\oint_L (x^2 - y^2)dx + xy dy$$

jika  $L$  ialah sempadan rantau yang dibatasi oleh garis  $y = x$  dan parabola  $y = x^2$ .

...4/-

- (c) Cari kamiran permukaan  $\iint_S f(x, y, z)dS$  jika  $f(x, y, z) = xyz$ , dan  $S$  ialah permukaan satah  $x + y + z = 1$  yang terletak di oktan pertama.
- (d) Gunakan Teorem Percapahan untuk menilaikan kamiran  $\iint_S \mathbf{F} \cdot \mathbf{n} dS$  jika  $\mathbf{F}(x, y, z) = (xy^2 + e^{-y} \sin z)\mathbf{i} + (x^2y + e^{-x} \cos z)\mathbf{j} + (\tan^{-1} xy)\mathbf{k}$ ,  $S$  permukaan rantau yang dibatasi oleh paraboloid  $z = x^2 + y^2$  dan satah  $z = 9$ , dan  $\mathbf{n}$  ialah vektor normal unit terkeluar pada  $S$ .

(100/100)

- oooOooo -